

# Penggunaan teknologi dalam sektor perladangan dipertingkatkan

**Klang:** Kementerian Perladangan dan Komoditi sedia meningkatkan penggunaan teknologi bagi mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing dalam sektor perladangan negara.

Menterinya, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata pihaknya sedia maklum bahawa sektor perladangan adalah di antara penyumbang besar dalam ekonomi negara

“Kerajaan begitu prihatin, mahu melihat supaya sektor perladangan ini sentiasa memenuhi pelbagai perkara, bagaimanapun kita tidak mahu melihat perhutanan dalam negara diteroka untuk dikomersialkan.

“Cuma apabila membabitkan sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) sahaja kita akan gunakan

mereka (pekerja asing),” katanya kepada pemberita selepas mengiringi lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Tapak Operasi Sime Darby Plantation Berhad di Pulau Carey di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Johari berkata, sebagai contoh Sime Darby Plantation sudah berusaha membangunkan teknologi yang boleh dimanfaatkan dalam sektor perladangan di bawah seliaannya.

“Jadi, penggunaan tenaga kerja atau buruh, kalau kita ada lapan hektar (guna) seorang pekerja, tetapi Sime Darby Plantation kini meningkat menjadi 12.5 hektar bagi satu pekerja.

“Lagi tinggi kita meningkatkan penggunaan mekanisasi atau teknologi, lagi kurang te-



Anwar bersama Johari melihat jentera digunakan bagi kegunaan tanaman sawit ketika lawatan kerja ke Tapak Operasi Sime Darby Plantation Berhad di Pulau Carey, Klang, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

naga kerja diperlukan dalam sektor perladangan,” katanya.

Katanya, teknologi berkenaan yang sebahagiannya sudah digunakan Sime Darby Plantation, manakala sebahagiannya lagi

masih lagi dalam proses prototaip.

“Kalau Sime Darby Plantation boleh capai setiap teknologi yang mereka buat ini, maka saya akan pastikan Lembaga Minyak

Sawit Malaysia (MPOB) untuk mengambil setiap teknologi berkenaan sebelum diperkenalkan kepada semua pemain industri kelapa sawit di dalam negara,” katanya.